

# KENYATAAN MEDIA



**KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA**  
No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,  
62623 Putrajaya

No. Telefon : 03-8882 5562  
No. Fax : 03-8882 5569

## **KPDNHEP MERAIKAN PEMENANG PESERTA CIP KPS 2018**

**MELAKA, 28 SEPTEMBER 2018** – Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Dato' Saifuddin Nasution Ismail merasmikan Majlis Penutup Program Cabaran Interaktif Pengguna Kelab Pengguna Sekolah (CIP KPS) Tahun 2018 Peringkat Kebangsaan.

Pertandingan CIP KPS 2018 berlangsung selama 3 hari, 26 sehingga 28 September 2018 dan disertai oleh 16 buah sekolah dari semua negeri termasuk WP Putrajaya dan Labuan dan seramai 64 orang peserta yang terlibat. Program ini dilaksanakan menerusi 2 fasa iaitu di peringkat Negeri pada Jun sehingga Ogos 2018 manakala peringkat Kebangsaan diadakan pada September 2018.

CIP KPS merupakan acara tahunan berbentuk pertandingan interaktif atau *explorace* yang melibatkan penyertaan ahli-ahli KPS di seluruh negara. Tahun ini merupakan tahun ke-8 pelaksanaan program CIP KPS. Majlis Penutup ini dianjurkan bagi meraikan pemenang Program CIP KPS Tahun 2018 Peringkat Kebangsaan yang memfokuskan 4 aspek utama iaitu perlindungan pengguna, pengurusan kewangan, pengurusan pemakanan dan pemeliharaan alam sekitar serta kelestarian.

**###**

---